

U GB 30-11 00191 BH523

aab

Mahathir - Iraq

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Malaysia akan mengekalkan lapan kakitangan diplomatiknya di Baghdad walaupun ia menyokong usul Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu membenarkan penggunaan kekerasan ke atas Iraq bagi menyelesaikan krisis Teluk, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri berkata kakitangan berkenaan akan hanya dibawa pulang sekiranya berlaku peperangan di sana.

+Kakitangan itu tidak akan dibawa balik kerana Malaysia tidak memutuskan hubungan diplomatik dengan Iraq. Kita berharap kerajaan Iraq akan menghormati status diplomatik kakitangan kita di sana,+ katanya pada persidangan akhbar selepas hari pertama Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Presiden Umno itu berkata, kesemua lapan kakitangan yang masih berada di sana bertaraf diplomat manakala keluarga mereka sudahpun dibawa pulang ke tanah air.

+Kata orang, the ball is at the feet of Iraq, (bola kini di kaki Iraq), mereka boleh buat keputusan untuk mengelakkan peperangan,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Iraq telah diberi tempoh selama 45 hari untuk berundur dari Kuwait dan jika mereka sanggup berbuat demikian, peperangan tidak akan berlaku. -- Lagi

♥30/11/19-02MST

U GB 30-11 00164 BH524

aab

Mahathir - Iraq 2 Kuala Lumpur

Mengenai sokongan Malaysia terhadap usul Majlis Keselamatan, beliau berkata pendirian itu dibuat setelah Malaysia memikirkan sekatan ekonomi setakat ini kurang berkesan dan memerlukan masa yang panjang sebelum ia memberi kesan terhadap Iraq.

Walaupun Malaysia berasa amat tidak puas hati dengan kelewatan Majlis Keselamatan membuat keputusan berhubung tindakan Israel terhadap rakyat Palestin, ia tidak boleh membiarkan rakyat Kuwait menderita sementara menunggu penyelesaian isu Palestin, katanya.

+Mengikut cerita yang kita boleh percayai, rakyat Kuwait ditindas dan ada usaha untuk memadamkan semua rekod rakyat Kuwait supaya tidak ada lagi bangsa atau wilayah Kuwait,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat Kuwait tidak boleh dibiarkan menunggu sehingga diselesaikan isu Palestin barulah mereka dapat menyelamatkan diri mereka pula.

+Kalau kita tunggu sehingga penyelesaian isu Palestin dicapai, dan baru itu kita nak tentukan nasib Kuwait, maka ini akan meletakkan rakyat Kuwait di bawah penindasan pihak yang menjajahnya...entah berapa lama,+ kata beliau. -- Lagi

♥30/11/19-08MST

U GB 30-11 00150 BH525

aab

Mahathir - Iraq 3 Kuala Lumpur

Malaysia, kata beliau, sebenarnya tidak mahu penyelesaian secara kekerasan, dan kerana itu ia bersetuju dengan pemberian tempoh 45 hari kepada Iraq untuk mematuhi keputusan Majlis Keselamatan itu.

+Penaklukan Kuwait hanya mengambil masa 24 jam...oleh itu masa 45 hari adalah memadai bagi membolehkan Iraq patuh kepada keputusan Bangsa-bangsa Bersatu,+ katanya.

Katanya, desakan ialah supaya penyelesaian dibuat secara aman dengan mengenakan sekatan ekonomi tetapi tiada usaha oleh Iraq untuk mematuhi keputusan itu, sebaliknya ia menambah bilangan tenteranya di Kuwait.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebenarnya Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan negara-negara lain boleh bertindak di bawah Artikel 51 Piagam Bangsa-bangsa Bersatu tanpa merujuk soal itu kepada Majlis Keselamatan.

Peruntukan artikel itu memberi hak kepada mana-mana negara meminta pertolongan dari negara lain dan pertolongan itu boleh diberi tanpa merujuk kepada Majlis Keselamatan. -- Lagi

♥30/11/19-37MST

CNS4354

U GB 30-11 00143 BH526

aab

Mahathir - Iraq 4 Kuala Lumpur

+Tetapi dalam kes ini, semua negara bersetuju untuk merujuk kepada Majlis Keselamatan walaupun ia tidak perlu,+ katanya, sambil menyifatkan tindakan itu sebagai sesuatu yang baik.

Malaysia, melalui Menteri Luar Datuk Abu Hassan Omar telah menyarankan kepada Setiausaha Negara Amerika James Baker supaya sebarang tindakan berikutan resolusi itu dilaporkan kepada Majlis Keselamatan, katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia juga mahukan agar sebarang tindakan yang diambil hendaklah tidak melampaui apa yang diputuskan oleh Majlis Keselamatan.

+Oleh (kerana) sebab-sebab ini, maka kita bersetuju menyokong usul ini walaupun kita masih tidak puas hati dengan masalah Palestin yang tidak diberi perhatian yang sama berat dalam Majlis Keselamatan oleh beberapa pihak,+ katanya.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia akan terus meminta supaya Majlis Keselamatan memberi pertimbangan yang sama berat terhadap soal Palestin. -- Bernama

♥30/11/19-49MST